



Bank Otak pertama di Asia Tenggara dilancarkan di S'pura

27/11/2019 20:16 Update: 27/11/2019 21:21



KONGSI ARTIKEL



SINGAPURA: Bank Otak yang pertama di Asia Tenggara dilancarkan di Singapura oleh Universiti Teknologi Nanyang (NTU), National Healthcare Group dan Institut Sains Neuro Nasional.

Bank itu bertujuan mencari kaedah yang lebih baik dalam merawat gangguan otak seperti penyakit Parkinson, strok, demensia dan kemurungan di kalangan penduduk Asia. Ini semakin genting sedang penduduk Singapura menjadi semakin menua.

Bank otak itu akan menjadi tempat penyimpanan otak serta tisu tulang belakang para penderma yang sudah meninggal dunia.

Ini berharap mendapatkan 1,000 penderma berpotensi dalam lima tahun ini. Sejauh ini, sudah ada tiga individu yang mendaftarkan diri bagi program berkenaan.

Salah seorang ialah Cik Lovely Fernandez yang berusia 41 tahun.

Beliau mengalami penyakit berbilang sklerosis iaitu penyakit otak serta tulang belakang yang melumpuhkan bahagian kiri tubuhnya.

Beliau turut mengalami simptom seperti senang penat dan mudah lupa.

"Ini bukan untuk kita, generasi ini. Tetapi untuk generasi akan datang. Sekurang-kurangnya saya dapat membantu," kata Cik Lovely.

Penyakit yang berkemungkinan melumpuhkan seluruh tubuh seseorang tidak ada sebarang penawar buat masa ini.

Lantaran itu, penubuhan Bank Otak Singapura diharap dapat mengkaji penyakit sebegini dan juga gangguan lain seperti demensia serta penyakit angin ahmar. Kini, sekitar separuh daripada rakyat Singapura yang berusia 85 tahun dan ke atas mengalami demensia.

"Tiada bank otak langsung di bahagian dunia ini. Kita kini tahu bahawa baka mengawal tubuh... Jika kita mendapatkan tisu dari katalah Eropah atau Amerika, ia akan mempunyai baka yang salah bagi kajian di belahan dunia di sini," kata Pengarah Bank Otak Singapura, Prof Richard Reynolds.

Dengan terdapat profil penduduk pelbagai kaum di sini, para pengkaji juga akan lebih memahami bagaimana gangguan tersebut menjejaskan penduduk Asia.

Beliau menambah bahawa otak bukanlah organ yang mudah didapatkan.

"Jadi dengan sumber ini, kita kini mempunyai peluang untuk merenung lebih mendalam bagi memahami mekanisme-mekanisme penyebab kondisi neurodegeneratif," tambah Prof Reynolds.

- CNA/RU/na